

Dr. M: Wanita mungkin tentukan hala tuju negara

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 25 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kepimpinan dan hala tuju negara pada masa depan mungkin akan ditentukan oleh kaum wanita jika trend termasuk lebih ramai pelajar wanita ke universiti seperti sekarang berterusan.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu sudah dapat dilihat pada hari ini apabila antara 60 hingga 70 peratus mahasiswa adalah wanita berbanding hanya 30 peratus lelaki.

Menurutnya, 'serangan' sedikit demi sedikit kaum wanita itu juga sudah dapat dilihat dengan banyak jawatan penting dan kri-

tikal sudah disandang oleh kaum itu.

"Saya tidak begitu puas hati dengan jumlah lelaki yang kurang ini. Apakah orang lelaki tidak malu?" katanya ketika berucap merasmikan sambutan Hari Wanita 2002 di Stadium Putra, Bukit Jalil hari ini.

Turut hadir ialah Datin Sri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isterinya, Datin Seri Endon Mahmud serta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Dr. Mahathir berkata, walaupun kerajaan sentiasa memberi galakan kepada pelajar lelaki tetapi sehingga hari ini maklum

balas yang diterima masih kurang meyakinkan.

Katanya, keadaan itu berbeza dengan kaum wanita yang terus sahaja merebut peluang yang diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab, ketekunan dan kegigihan.

"Sebagai lelaki saya tidak akui orang lelaki tidak pandai sampai tidak boleh masuk universiti tetapi orang yang bijak, kalau tidak berusaha, mereka tidak akan layak," jelasnya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, walau apa pun keadaannya, negara tetap mengakui sumbangan dan peranan kaum wanita dalam membantu membangunkan negara dan masyarakat.

Katanya, sejak dari dahulu la-

gi, kerajaan sentiasa menggalakkan wanita memasuki pelbagai bidang dan mencapai kelulusan tertinggi.

Katanya, wanita kini tidak boleh lagi diasingkan kerana tindakan itu hanya akan mengurangkan separuh daripada tenaga yang diperlukan oleh negara untuk bersaing.

"Wanita memang ada kemampuan dan kecekupan yang semula jadi. Dari bidang ekonomi hingga kepada kebahagiaan keluarga, peranan wanita perlu diakui," katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar selepas majlis tersebut, Dr. Mahathir berkata, kerajaan

■ Lihat muka 4

Dr. M: Wanita mungkin tentukan hala tuju negara

akan memberikan motivasi dan mencari sebab pelajar lelaki kurang ke universiti.

"Sudah tentu kita tidak dengan mengurangkan jumlah pelajar perempuan. Kita juga tidak boleh memberikan mereka (pelajar lelaki) sesuatu yang istimewa sedangkan pelajar wanita tidak mendapat kelebihan itu," katanya.

Mengenai dilema ibu bekerja, beliau berkata, menyerahkan sebahagian pendidikan ahlak kepada guru memang tidak dapat dielakkan.

Justeru, tegasnya, guru-guru kini bukan sahaja bertanggungjawab memberikan ilmu kepada pelajar tetapi juga membentuk peribadi dan ahlak yang mulia.

"Malangnya, kita mendapati ada sesetengah (guru) yang bukan sahaja tidak mengambil berat tentang tanggungjawab mereka, malah mereka mengabaikannya.

"Dan ini boleh dikatakan mereka mengkhianati hasrat kerajaan untuk membentuk anak yang berakhlak mulia," jelasnya.

Kata beliau, ibu bapa juga perlu meluangkan masa mendidik anak-anak mereka, di samping mereka sendiri turut belajar kaedah mendidik anak-anak.

Mengenai nisbah antara pelajar dan guru yang besar yang mungkin mengakibatkan guru tidak mampu memberikan pendidikan yang berkesan, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berusaha menambah bilangan guru.

"Memang ia merupakan beban yang besar kepada guru tetapi kita cuba memberikan ganjaran terbaik kepada mereka," katanya.